



Jalan pantai Kemasik yang musnah akibat hakisan ombak besar pada bulan Disember tahun lalu menyukarkan nelayan membawa keluar hasil tangkapan ikan. (FOTO SHAMSUDIN HUSIN/BH)

Hakisan pantai jejas 200 nelayan Kemasik

Chukai: Seramai 200 nelayan bot kecil Kuala Kemasik, di sini, menghadapi masalah membawa keluar hasil tangkapan dan membawa masuk ais ke pangkalan mereka apabila jalan pantai di kawasan itu musnah dihakis ombak besar, Disember lalu.

Tinjauan BH juga mendapati lebih 50 rumah menghadapi risiko musnah jika bencana sama melanda, tamba-

han pula ombak besar turut diramal melanda menjelang Tahun Baharu Cina pada 19 Februari ini, menyebabkan penduduk sentiasa dalam ketakutan.

Bina jalan pilihan

Nelayan, Zaimi Mohd Ali, 51, berharap kerajaan membina jalan pilihan di belakang Sungai Kemasik bagi memudahkan mereka membawa ke-

luar hasil tangkapan dan membawa masuk ais ke pangkalan.

"Buat masa ini, kami angkut ais dari pekan Kemasik yang terletak kira-kira satu kilometer dari sini menggunakan motosikal kerana jalan pantai rosak teruk akibat ombak besar Disember lalu," katanya ketika ditemui di pangkalan nelayan Kuala Kemasik.

Rakannya, Ismail Ibrahim, 67, berkata jika benteng di pantai Kuala Kemasik tidak dibina, lebih 50 rumah penduduk dikhuatiri lenyap ditelan ombak besar yang diramal menjelang Tahun Baharu Cina ini.

"Walaupun ia hanya ramalan seperti juga ramalan ombak besar pada Disember lalu, bencana yang diramal pada hujung tahun lalu itu benar-benar berlaku.

"Sebenarnya, pada Jun tahun lalu, lebih separuh jalan berkenaan rosak sebelum dibaiki semula, namun ia kemudian musnah sama sekali Disember lalu sehingga menghampiri kawasan depan rumah penduduk," katanya.